☐ I/We hereby confirm that my/our total monthly household income is less than or equal to RM5,000 / Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa jumlah pendapatan isi rumah bulanan saya/kami adalah kurang daripada atau sama dengan RM5,000.

☐ The property price is less than or equal to RM300,000 / Harga hartanah adalah kurang daripada atau sama dengan RM300,000.

If both of the above are applicable to you, you must complete the RUMAHKU online financial education module provided by AKPK at <https://power.akpk.org.my/> and provide the certificate of completion upon loan application submission / Jika kedua-dua perkara di atas berkenaan kepada anda, anda mesti melengkapkan modul pendidikan kewangan RUMAHKU dalam talian yang disediakan oleh AKPK di <https://power.akpk.org.my/> dan menyerahkan sijil siap semasa mengemukakan permohonan pinjaman.

**9. APPLICANT'S DECLARATION / PENGAKUAN PEMOHON**

- 1) I/We confirm that the information given is true and correct and authorize you or your representative/agent to obtain information from any source regarding this application. / Saya/Kami mengesahkan bahawa maklumat yang diberi adalah tepat dan benar dan membenarkan anda atau wakil/agen anda untuk mendapatkan maklumat dari sebarang sumber berkenaan dengan permohonan ini.
- 2) I/We hereby irrevocable authorized AIA Bhd. to verify the information or documents including but not limited to my/our income statement, employment details and bank statements furnished by me/us with the issuer of the information or documents, including but not limited to my/our employer, business partners, suppliers, clients, corporate bodies, banker, credit rating agencies and next of kin. / Saya/Kami dengan muktamad memberi kuasa kepada AIA Bhd. untuk mengesahkan maklumat atau dokumen termasuk tetapi tidak terhad kepada penyata pendapatan saya/kami, butir-butir pekerjaan dan penyata bank yang diberikan oleh saya/kami dengan penerbit maklumat atau dokumen, termasuk tetapi tidak terhad kepada majikan saya/kami, rakan perniagaan, pembekal, pelanggan, badan-badan korporat, pihak bank, agensi penarafan kredit dan para waris saya/kami.
- 3) I/We understand AIA Bhd. reserves the right to reject the application at its sole discretion without stating any reason. This application and supporting documents will remain the property of AIA Bhd. regardless of whether the application is approved. / Saya/Kami memahami bahawa AIA Bhd. berhak menolak permohonan ini mengikut budi bicaranya tanpa memberi sebarang alasan. Permohonan ini dan segala dokumen yang dilampirkan akan menjadi hak milik AIA Bhd. tidak kira sama ada pinjaman diluluskan atau tidak.
- 4) I/We authorize AIA Bhd. to contact the next of kin/agent in the event of default/late payment. / Saya/Kami membenarkan AIA Bhd. menghubungi saudara terdekat/agen jika berlaku kegagalan/kelewatan pembayaran.
- 5) I/We are aware that it is advisable to protect the total loan amount with an AIA Bhd. or AIA PUBLIC Takaful Bhd. Life Policy/AIA Bhd. MRTA including the homeowner/commercial fire insurance. / Saya/Kami menyedari kepentingan melindungi jumlah pinjaman dengan polisi nyawa AIA Bhd. or AIA PUBLIC Takaful Bhd./MRTA AIA Bhd. serta polisi insurans pemilik rumah/kebakaran komersial.
- 6) I/We undertake to submit all documentation as required by AIA Bhd. failing which the loan will be repriced at the prescribed rate as applicable at the time of receipt of full documentation by AIA Bhd. / Saya/Kami akan menyerahkan semua dokumen yang diperlukan oleh AIA Bhd., kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pinjaman akan diberikan pada kadar yang dinyatakan pada waktu penerimaan dokumen lengkap oleh AIA Bhd.

- 7) **I/We understand and agree that any personal information collected or held by the Company (whether contained in this application or otherwise obtained) may be held, used, and disclosed by the Company to individuals/organization related to and associated with the Company or any selected third party (within or outside of Malaysia) for the purpose of processing this application and providing subsequent service for this and other financial products and service and to communicate with me/us for such purposes. I/We understand that I/we have a right to obtain access to and to request correction of any personal information held by the Company concerning me/us. Such request can be made to any of the Company's Customer Service Centre.** / Saya/Kami faham dan bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan atau dipegang oleh Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) boleh dipegang, digunakan, dan diberikan oleh Syarikat kepada individu/organisasi yang berhubung dan berkaitan dengan syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih (di dalam atau di luar Malaysia) bagi tujuan memproses permohonan ini dan memberikan khidmat seterusnya untuk produk dan khidmat kewangan yang lain dan untuk berkomunikasi dengan saya/kami untuk tujuan seperti itu. Saya/Kami faham bahawa saya/kami berhak memperoleh akses kepada, dan memohon pembetulan sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat berkaitan dengan saya/kami. Permohonan seperti itu boleh dibuat di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan Syarikat.
- 8) **To receive information regarding exclusive promotions and offers from AIA Bhd., please tick below** / Untuk menerima maklumat mengenai promosi dan tawaran eksklusif dari AIA Bhd., sila tandakan di bawah:
- ☐ **I/We agree that any personal information collected or held by the Company (whether contained in this application or otherwise obtained) may be disclosed by the Company to any selected third party for the purposes of cross marketing, direct marketing, and data matching, and to communicate with me/us for such purposes. I/We understand that I/we have a right to obtain access to and to request correction of any personal information held by the Company concerning me/us. Such request can be made to any of the Company's Customer Service Centre.** / Saya/Kami bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan atau dipegang oleh Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) boleh diberikan oleh Syarikat kepada mana-mana pihak ketiga yang dipilih bagi tujuan pemasaran silang, pemasaran langsung, dan pamedanan data dan untuk berkomunikasi dengan saya/kami untuk tujuan tersebut. Saya/Kami faham bahawa saya/kami berhak memperoleh akses kepada, dan memohon pembetulan sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat berkaitan dengan saya/kami. Permohonan seperti itu boleh dibuat di mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan Syarikat.
- 9) **I/We confirm that I am/we are not a Director of AIA Bhd., a member of the management team of AIA Bhd. having authority and responsibility in the planning, directing, and/or controlling of activities and/or employee of AIA Bhd. involved in the appraising, approving or reviewing of financing facilities or controlling of shareholders ("Specified Person"). I/We also confirm that I am/we are not related to a Specified Person and no Specified Person is acting as my/our guarantor for this loan. If I/we become a Specified Person, become related to a Specified Person or if a Specified Person becomes my/our guarantor for this loan, I/we agree to notify AIA Bhd. of the change in my status, and where applicable, the name and my/our relationship with the Specified Person, when I/we become aware of such relationship.** / Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami bukan Pengarah AIA Bhd., ahli pengurusan AIA Bhd. yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam perancangan, mengarahkan, dan/atau mengawal aktiviti dan/atau pekerja AIA Bhd. yang terlibat dalam menilai, meluluskan atau mengkaji semula kemudahan pembiayaan atau pengawalan pemegang saham ("Orang Yang Ditentukan"). Saya/Kami juga mengesahkan bahawa saya/kami tidak ada kaitan dengan Orang Yang Tertentu dan tiada Orang Khusus yang bertindak sebagai penjamin saya/kami untuk pinjaman ini. Sekiranya saya/kami menjadi Orang Yang Ditentukan, menjadi berkaitan dengan Orang Yang Ditentukan atau jika Orang Yang Ditentukan menjadi penjamin saya/kami untuk pinjaman ini, saya/kami bersetuju untuk memberitahu AIA Bhd. tentang perubahan dalam status saya, dan jika berkenaan, nama dan hubungan saya/kami dengan Orang yang Ditentukan, apabila saya/kami sedar hubungan sedemikian.
- 10) **I/We hereby confirm that I/we have been given a copy of the Product Disclosure Sheet by my/our agent and I/we have fully understood the contents of the Product Disclosure Sheet as explained to me/us by my/our agent.** / Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah ditunjukkan salinan Pendedahan Produk oleh ejen saya/kami dan saya/kami telah memahami sepenuhnya kandungan-kandungan salinan Pendedahan Produk seperti yang telah diterangkan kepada saya/kami oleh ejen saya/kami.
- 11) **I/We agree, consent and authorize any credit reporting agencies registered under the Credit Reporting Agencies Act 2010 ("CRA") to process and disclose any of my/our credit information (as defined in the CRA) in the records of the credit reporting agencies and to access, process and disclose any of my/our credit information in the records of the Credit Bureau, Bank Negara Malaysia which includes Central Credit Reference Information System (CCRIS) to AIA Bhd. for the purposes of processing or considering my/our application/additional application for AIA Bhd.'s products or services including but not limited to credit evaluation, credit reviews, credit monitoring and debt recovery processes. Where AIA Bhd. requires any such processing to be further processed by any of its processing centre located outside Malaysia, I/we hereby give my/our consent to AIA Bhd. to disclose my/our credit information obtained from the credit reporting agencies to such locations outside Malaysia.** / Saya/Kami bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada mana-mana agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA") untuk memproses dan mendedahkan mana-mana maklumat kredit saya/kami (sebagaimana ditakrifkan dalam CRA) dalam rekod pelaporan kredit agensi-agensi dan untuk mengakses, memproses dan mendedahkan mana-mana maklumat kredit saya/kami dalam rekod Biro Kredit, Bank Negara Malaysia yang merangkumi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) kepada AIA Bhd. untuk tujuan pemprosesan atau pertimbangan permohonan/permohonan tambahan saya/kami untuk produk atau perkhidmatan AIA Bhd. termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, ulasan kredit, pemantauan kredit dan proses pemulihan hutang. Sekiranya AIA Bhd. menghendaki apa-apa pemprosesan sedemikian diproses selanjutnya oleh mana-mana pusat pemprosesannya yang terletak di luar Malaysia, saya/kami dengan ini memberikan persetujuan saya/kami kepada AIA Bhd. untuk mendedahkan maklumat kredit saya/kami yang diperolehi daripada agensi pelaporan kredit ke lokasi-lokasi di luar Malaysia.

**First Applicant's Signature** / Tandatangan Pemohon yang Pertama  
**Date** / Tarikh:

**Second Applicant's Signature** / Tandatangan Pemohon yang Kedua  
**Date** / Tarikh:

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

## Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini menyediakan maklumat penting tentang pinjaman perumahan/pembiayaan rumah anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati bahawa LPP berguna dan bermanfaat, oleh itu **anda juga patut membacanya**.



AIA Bhd.

[Syarikat No.: 200701032867 (790895-D)]

Tarikh:

## 1. Apakah Pinjaman Perumahan Kadar Tetap Berperingkat AIA?

**Pinjaman Perumahan Kadar Tetap Berperingkat AIA** adalah suatu pinjaman perumahan/pembiayaan rumah dengan kadar tetap berperingkat yang memberikan anda ketenangan minda dengan kadar faedah yang ditetapkan pada kadar tetap berperingkat. Ansuran bulanan kekal tetap mengikuti peringkat masing-masing sepanjang tempoh pinjaman untuk membantu anda merancang kewangan anda dengan lebih baik. Untuk fleksibiliti tambahan, sebarang bayaran tambahan yang anda buat akan memendekkan tempoh pinjaman dan seterusnya mengurangkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Sila ambil perhatian bahawa pinjaman perumahan/pembiayaan rumah ini dikira berdasarkan kaedah baki harian, dan anda menawarkan hartanah anda sebagai jaminan untuk pinjaman ini.

## 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai ilustrasi bagi pinjaman perumahan/pembiayaan rumah ini:

- Jumlah pinjaman anda: **RM350,000.00**
- Ansuran bulanan anda: RM1,447.00 untuk dua puluh empat (24) bulan pertama, RM1,576.00 untuk dua puluh empat (24) bulan berikutnya, dan seterusnya RM1,734.00 setiap bulan sehingga penyelesaian penuh dan muktamad.
- Tempoh pinjaman anda: **35 tahun**.
- Kadar faedah: **3.50% setahun** kadar harian untuk 24 bulan pertama, **4.15% setahun** kadar harian untuk 24 bulan berikutnya, dan seterusnya **4.95% setahun** kadar harian untuk baki tempoh sehingga penyelesaian penuh dan muktamad pinjaman ini.
- Kadar faedah efektif: **4.64% setahun**.

Jumlah keseluruhan yang anda akan bayar ialah **RM717,600.00** pada akhir 35 tahun.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Sila baca dan fahami **terma-terma penting** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Bayar ansuran-ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama **35 tahun** atau sehingga penyelesaian penuh dan muktamad pinjaman ini. Hubungi kami sekiranya anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal.



Pastikan anda mampu membayar **ansuran yang lebih tinggi** apabila kadar faedah berperingkat seterusnya bermula.



**Hubungi kami dengan segera** sekiranya anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

### i. Yuran dan Caj

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti Setem: Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989) (termasuk pindaan yang sedang berkuat kuasa).
- Yuran Guaman: Mengikut skala yang ditetapkan dalam Perintah Saraan Peguam Cara (termasuk pindaan yang berkuat kuasa).
- Yuran Pelbagai: Termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran pendaftaran, yuran carian, cukai kerajaan dan sebarang cukai atau levi lain mengikut skala yuran yang dikenakan oleh pihak berkuasa dan/atau firma guaman yang berkenaan.
- Yuran Penilaian: Mengikut Jadual Ketujuh (Peraturan 48) skala yuran yang ditetapkan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Malaysia, (termasuk pindaan yang sedang berkuat kuasa).
- Yuran Pemprosesan: Dikecualikan.

**Nota:** Dengan memilih Pakej Kos Pemindahan Sifar, semua yuran dan caj yang disenaraikan di atas akan ditanggung oleh pihak AIA.

### ii. Yuran dan Perbelanjaan Pembatalan

Sekiranya anda memilih untuk menamatkan, menarik balik atau membatalkan pinjaman **SELEPAS** anda menerima Surat Tawaran, anda perlu:

- Membayar balik kepada pihak AIA semua kos, caj dan yuran termasuk yuran pentadbiran dan perbelanjaan yang ditanggung untuk kelulusan dan penyediaan semua dokumen-dokumen pinjaman serta penilaian hartanah; dan
- Anda juga perlu membayar yuran pembatalan tambahan sebanyak 3% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

### iii. Caj Pelbagai

| NO.   | PERKARA                                                                                                                       | YURAN DAN CAJ                                                               |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| (i)   | Permohonan penyata penebusan                                                                                                  | RM50.00 setiap permintaan                                                   |
| (ii)  | Permohonan untuk menghentikan pembayaran / penggantian cek                                                                    | RM10.00 setiap permintaan                                                   |
| (iii) | Permohonan salinan dokumen pinjaman atau dokumen guaman                                                                       | RM20.00 setiap dokumen                                                      |
| (iv)  | Permohonan surat pengesahan untuk pengeluaran KWSP                                                                            | RM20.00 setiap permintaan                                                   |
| (v)   | Permohonan untuk salinan tambahan penyata pinjaman (salinan fizikal):<br>- Permohonan kali pertama<br>- Permohonan seterusnya | RM2.00 (sebulan, setiap permintaan)<br>RM10.00 (sebulan, setiap permintaan) |
| (vi)  | Permohonan untuk perubahan kadar faedah                                                                                       | RM40.00                                                                     |

Yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada semakan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa. Untuk maklumat terkini mengenai yuran dan caj yang dikenakan, sila hubungi kami secara langsung.

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

1. Denda pembayaran lewat pada kadar 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan yang masih belum dijelaskan kepada AIA, menyebabkan anda **membayar lebih secara keseluruhan** akibat caj pembayaran lewat dan pengkompaunan faedah yang terkumpul ke atas pinjaman.
2. Jika anda gagal membayar **tiga (3) ansuran bulanan berturut-turut**, kami berhak **menaikkan kadar pembiayaan** dengan menukar kadar faedah semasa dan yang ditetapkan kepada kadar faedah laai yang berkuat kuasa.
3. Kami berhak, dengan notis bertulis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu, untuk **menolak, menamatkan atau menuntut semula pinjaman yang diberikan kepada anda** sekiranya terdapat perubahan dalam kebolehpercayaan kredit anda dan/atau keupayaan anda untuk membayar pinjaman dan/atau mematuhi kewajipan anda berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui bagi pinjaman ini.
4. Kami boleh melaksanakan **tindakan penyiataan ke atas hartanah anda** dan/atau **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
5. **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau lebih mahal untuk anda peroleh.
6. Ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan yang dibayar **mungkin berbeza dan akan tertakluk kepada pengiraan semula** sekiranya ansuran bulanan tidak dibayar tepat pada masanya.

### 4. Terma Utama Lain

- Tempoh terkunci (Lock-in period): **tiga (3) tahun** (bagi Pakej Bukan Kos Pemindahan Sifar) atau **lima (5) tahun** (bagi Pakej Kos Pemindahan Sifar), bermula dari tarikh pengeluaran pertama sebahagian atau keseluruhan pinjaman.
- Caj penamatan awal / penyelesaian awal: bayaran sebanyak **0.62% setahun** daripada jumlah pinjaman keseluruhan yang diluluskan akan dikenakan dan ditanggung oleh peminjam sekiranya peminjam menebus atau menyelesaikan kemudahan pinjaman dalam tempoh terkunci. Yuran prabayaran yang dikenakan akan dikira dan dicaj berdasarkan jumlah tahun tempoh terkunci, seperti yang digambarkan dalam formula berikut:

[Jumlah Pinjaman Keseluruhan Yang Diluluskan x 0.62% x Jumlah Tahun Tempoh Terkunci = Yuran Prabayaran]

- Sekiranya anda memilih Pakej Kos Pemindahan Sifar, anda dikehendaki membayar balik AIA semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak AIA berkaitan dengan pinjaman ini. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran penilaian, duti setem, yuran pelbagai, dan kos guaman atas dasar peguam dan pelanggan. Bayaran balik ini akan dikenakan sekiranya pinjaman ditebus atau diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran pertama sebahagian atau keseluruhan pinjaman. Ini adalah tambahan kepada sebarang yuran prabayaran yang dikenakan oleh pihak AIA di bawah terma dan syarat yang berkuat kuasa. Caj-caj ini akan dikecualikan selepas genap lima (5) tahun daripada tarikh pengeluaran pertama bagi keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman tersebut.
- Adalah dinasihati untuk mendapatkan polisi hayat dan/atau Insurans Pengurangan Pinjaman Perumahan (MRTA). Perlindungan yang diberikan oleh polisi hayat dan/atau MRTA (seperti yang berkenaan) akan berkuat kuasa apabila syarikat insurans menerima premium penuh (termasuk sebarang tambahan atau lebih daripada premium asal).
- Polisi insurans pemilik rumah atau insurans kebakaran ke atas hartanah yang dicagarkan adalah diwajibkan.
- Bagi hartanah bukan bertanah, salinan polisi kebakaran induk dengan AIA Bhd. sebagai pemegang gadaian / cagaran / penerima hak mesti dikemukakan kepada AIA setiap tahun.
- Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan alamat dan/atau nombor telefon anda. Ini bagi memastikan semua surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya dan akan dihantar ke alamat yang betul kerana sebarang notis di bawah perjanjian pinjaman anda akan dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya dihantar ke alamat terakhir yang diketahui.
- Anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya  
No. 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-26167766 Laman web: <https://www.akpk.org.my/ms/contact-us>

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia, BNMLINK di:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB  
No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
Tel.: 1300 88 5465 BNMLink: <https://www.bnm.gov.my/BNMLINK>

**Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan pinjaman perumahan/ pembiayaan rumah anda, anda boleh menghubungi kami:**



Telefon kami di:  
1300 88 1899



Kunjungi kami di:  
Laman web: <http://www.aia.com.my>



Emel kami di:  
[my.loan@aia.com](mailto:my.loan@aia.com)

**Penafian:** Walaupun setiap langkah berhati-hati, berwaspada dan ketelitian telah diambil dalam menyusun angka dan maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini, sila rujuk kepada Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman untuk butiran pinjaman yang dimuktamadkan serta terma dan syarat yang berkenaan.

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

## Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini menyediakan maklumat penting tentang pinjaman hartanah komersial/pembiayaan kedai anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati bahawa LPP berguna dan bermanfaat, oleh itu **anda juga patut membacanya**.



**AIA Bhd.**

[Syarikat No.: 200701032867 (790895-D)]

Tarikh:

## 1. Apakah Pinjaman Kedai Kadar Tetap Berperingkat AIA?

**Pinjaman Kedai Kadar Tetap Berperingkat AIA** adalah suatu pinjaman hartanah komersial/pembiayaan kedai dengan kadar tetap berperingkat yang memberikan anda ketenangan minda dengan kadar faedah yang ditetapkan pada kadar tetap berperingkat. Ansuran bulanan kekal tetap mengikuti peringkat masing-masing sepanjang tempoh pinjaman untuk membantu anda merancang kewangan anda dengan lebih baik. Untuk fleksibiliti tambahan, sebarang bayaran tambahan yang anda buat akan memendekkan tempoh pinjaman dan seterusnya mengurangkan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Sila ambil perhatian bahawa pinjaman hartanah komersial/pembiayaan kedai ini dikira berdasarkan kaedah baki harian, dan anda menawarkan hartanah anda sebagai jaminan untuk pinjaman ini.

## 2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai ilustrasi bagi pinjaman hartanah komersial/pembiayaan kedai ini:

- Jumlah pinjaman anda: **RM350,000.00**
- Ansuran bulanan anda: RM1,753.00 untuk dua puluh empat (24) bulan pertama, RM1,904.00 untuk dua puluh empat (24) bulan berikutnya, dan seterusnya RM2,062.00 setiap bulan sehingga penyelesaian penuh dan muktamad.
- Tempoh pinjaman anda: **30 tahun**.
- Kadar faedah: **4.40% setahun** kadar harian untuk 24 bulan pertama, **5.15% setahun** kadar harian untuk 24 bulan berikutnya, dan seterusnya **5.95% setahun** kadar harian untuk baki tempoh sehingga penyelesaian penuh dan muktamad pinjaman ini.
- Kadar faedah efektif: **5.50% setahun**.

**Jumlah keseluruhan** yang anda akan bayar ialah **RM731,112.00** pada akhir 30 tahun.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Sila baca dan fahami **terma-terma penting** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Bayar ansuran-ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama **30 tahun** atau sehingga penyelesaian penuh dan muktamad pinjaman ini. Hubungi kami sekiranya anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal.



Pastikan anda mampu membayar **ansuran yang lebih tinggi** apabila kadar faedah berperingkat seterusnya bermula.



**Hubungi kami dengan segera** sekiranya anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.

### i. Yuran dan Caj

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti Setem: Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989) (termasuk pindaan yang sedang berkuat kuasa).
- Yuran Guaman: Mengikut skala yang ditetapkan dalam Perintah Saraan Peguam Cara (termasuk pindaan yang berkuat kuasa).
- Yuran Pelbagai: Termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran pendaftaran, yuran carian, cukai kerajaan dan sebarang cukai atau levi lain mengikut skala yuran yang dikenakan oleh pihak berkuasa dan/atau firma guaman yang berkenaan.
- Yuran Penilaian: Mengikut Jadual Ketujuh (Peraturan 48) skala yuran yang ditetapkan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Malaysia, (termasuk pindaan yang sedang berkuat kuasa).
- Yuran Pemprosesan: Dikecualikan.

**Nota:** Dengan memilih Pakej Kos Pemindahan Sifar, semua yuran dan caj yang disenaraikan di atas akan ditanggung oleh pihak AIA.

### ii. Yuran dan Perbelanjaan Pembatalan

Sekiranya anda memilih untuk menamatkan, menarik balik atau membatalkan pinjaman **SELEPAS** anda menerima Surat Tawaran, anda perlu:

- Membayar balik kepada pihak AIA semua kos, caj dan yuran termasuk yuran pentadbiran dan perbelanjaan yang ditanggung untuk kelulusan dan penyediaan semua dokumen-dokumen pinjaman serta penilaian hartanah; dan
- Anda juga perlu membayar yuran pembatalan tambahan sebanyak 3% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

### iii. Caj Pelbagai

| NO.   | PERKARA                                                                                                                       | YURAN DAN CAJ                                                               |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|
| (i)   | Permohonan penyata penebusan                                                                                                  | RM50.00 setiap permintaan                                                   |
| (ii)  | Permohonan untuk menghentikan pembayaran / penggantian cek                                                                    | RM10.00 setiap permintaan                                                   |
| (iii) | Permohonan salinan dokumen pinjaman atau dokumen guaman                                                                       | RM20.00 setiap dokumen                                                      |
| (iv)  | Permohonan surat pengesahan untuk pengeluaran KWSP                                                                            | RM20.00 setiap permintaan                                                   |
| (v)   | Permohonan untuk salinan tambahan penyata pinjaman (salinan fizikal):<br>- Permohonan kali pertama<br>- Permohonan seterusnya | RM2.00 (sebulan, setiap permintaan)<br>RM10.00 (sebulan, setiap permintaan) |
| (vi)  | Permohonan untuk perubahan kadar faedah                                                                                       | RM40.00                                                                     |

Yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada semakan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa. Untuk maklumat terkini mengenai yuran dan caj yang dikenakan, sila hubungi kami secara langsung.

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

1. Denda pembayaran lewat pada kadar 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan yang masih belum dijelaskan kepada AIA, menyebabkan anda **membayar lebih secara keseluruhan** akibat caj pembayaran lewat dan pengkompaunan faedah yang terkumpul ke atas pinjaman.
2. Jika anda gagal membayar **tiga (3) ansuran bulanan berturut-turut**, kami berhak **menaikkan kadar pembiayaan** dengan menukar kadar faedah semasa dan yang ditetapkan kepada kadar faedah laai yang berkuat kuasa.
3. Kami berhak, dengan notis bertulis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu, untuk **menolak, menamatkan atau menuntut semula pinjaman yang diberikan kepada anda** sekiranya terdapat perubahan dalam kebolehpercayaan kredit anda dan/atau keupayaan anda untuk membayar pinjaman dan/atau mematuhi kewajipan anda berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui bagi pinjaman ini.
4. Kami boleh melaksanakan **tindakan penyitaan ke atas hartanah anda** dan/atau **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
5. **Skor kredit** anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau lebih mahal untuk anda peroleh.
6. Ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan yang dibayar **mungkin berbeza dan akan tertakluk kepada pengiraan semula** sekiranya ansuran bulanan tidak dibayar tepat pada masanya..

### 4. Terma Utama Lain

- Tempoh terkunci (Lock-in period): **tiga (3) tahun** (bagi Pakej Bukan Kos Pemindahan Sifar) atau **lima (5) tahun** (bagi Pakej Kos Pemindahan Sifar), bermula dari tarikh pengeluaran pertama sebahagian atau keseluruhan pinjaman.
- Caj penamatan awal / penyelesaian awal: bayaran sebanyak **0.62% setahun** daripada jumlah pinjaman keseluruhan yang diluluskan akan dikenakan dan ditanggung oleh peminjam sekiranya peminjam menebus atau menyelesaikan kemudahan pinjaman dalam tempoh terkunci. Yuran prabayaran yang dikenakan akan dikira dan dicaj berdasarkan jumlah tahun tempoh terkunci, seperti yang digambarkan dalam formula berikut:

[Jumlah Pinjaman Keseluruhan Yang Diluluskan x 0.62% x Jumlah Tahun Tempoh Terkunci = Yuran Prabayaran]

- Sekiranya anda memilih Pakej Kos Pemindahan Sifar, anda dikehendaki membayar balik AIA semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak AIA berkaitan dengan pinjaman ini. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran penilaian, duti setem, yuran pelbagai, dan kos guaman atas dasar peguam dan pelanggan. Bayaran balik ini akan dikenakan sekiranya pinjaman ditebus atau diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran pertama sebahagian atau keseluruhan pinjaman. Ini adalah tambahan kepada sebarang yuran prabayaran yang dikenakan oleh pihak AIA di bawah terma dan syarat yang berkuat kuasa. Caj-caj ini akan dikecualikan selepas genap lima (5) tahun daripada tarikh pengeluaran pertama bagi keseluruhan atau sebahagian daripada pinjaman tersebut.
- Adalah dinasihati untuk mendapatkan polisi hayat dan/atau Insurans Pengurangan Pinjaman Perumahan (MRTA). Perlindungan yang diberikan oleh polisi hayat dan/atau MRTA (seperti yang berkenaan) akan berkuat kuasa apabila syarikat insurans menerima premium penuh (termasuk sebarang tambahan atau lebih daripada premium asal).
- Polisi insurans kebakaran komersial yang menyeluruh ke atas harta yang akan dicagarkan adalah diperlukan.
- Bagi hartanah bukan bertanah, salinan polisi kebakaran induk dengan AIA Bhd. sebagai pemegang gadaian / cagaran / penerima hak mesti dikemukakan kepada AIA setiap tahun.
- Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan alamat dan/atau nombor telefon anda. Ini bagi memastikan semua surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya dan akan dihantar ke alamat yang betul kerana sebarang notis di bawah perjanjian pinjaman anda akan dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya dihantar ke alamat terakhir yang diketahui.
- Anda boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya  
No. 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-26167766 Laman web: <https://www.akpk.org.my/ms/contact-us>

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia, BNMLINK di:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB  
No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur  
Tel.: 1300 88 5465 BNMLink: <https://www.bnm.gov.my/BNMLINK>

**Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan pinjaman hartanah komersial/ pembiayaan kedai anda, anda boleh menghubungi kami:**



Telefon kami di:  
1300 88 1899



Kunjungi kami di:  
Laman web: <http://www.aia.com.my>



Emel kami di:  
[my.loan@aia.com](mailto:my.loan@aia.com)

**Penafian:** Walaupun setiap langkah berhati-hati, berwaspada dan ketelitian telah diambil dalam menyusun angka dan maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini, sila rujuk kepada Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman untuk butiran pinjaman yang dimuktamadkan serta terma dan syarat yang berkenaan.